

25/05/2000

Taraf kemudahan fizikal UiTM alami perubahan

Mohd Fuad Razali

RUPA-RUPANYA perubahan status daripada institut kepada universiti mempunyai banyak implikasi, bukan sahaja dari segi perundangan serta skim perkhidmatan, tetapi juga taraf kemudahan fizikalnya. Inilah tanggapan pertama yang diperolehi daripada jawapan dilontarkan oleh Ahmad Zaidee.

"Perubahan status ini tidak boleh kita pandang kecil. Oleh itu, kita berterima kasih kepada kerajaan yang menyedari memang kita sudah layak menjadi universiti. Walaupun dari beberapa aspek sudah naik taraf pada 1996 dengan pindaan Akta ITM, pengumuman pada 26 Ogos tahun lalu itu ada kesannya pada beberapa aspek yang kita tidak sangka.

"Antaranya sudah tentulah gaji. Pertukaran status itu membabitkan pertukaran skim perkhidmatan. Ini memang penting kerana status sebagai universiti ada banyak beza daripada status bukan universiti.

"Selain daripada gaji ada lagi. Dahulunya kita tidak sedar rupanya saiz bilik asrama kita lebih kecil daripada asrama di universiti. Peruntukan untuk Bahagian Hal Ehwal Pelajar, misalnya, dulu kita mendapat RM30 setahun bagi seorang pelajar, tetapi bagi universiti RM50 seorang pelajar setahun," katanya.

Nah, rupa-rupanya begitu sekali bezanya antara institusi pengajian tinggi bertaraf institut dengan yang bertaraf universiti. Sehubungan itu, menurut Ahmad Zaidee, banyaklah tugas yang terpaksa dilaksanakan berikutan perubahan status itu. Misalnya, peruntukan kewangan perlu ditambah, bilik kuliah dan prasarana lain perlu ditingkatkan. Kemudahan untuk pelajar, pensyarah dan pekerja sokongan lain juga mesti setara dengan universiti lain.

Selain itu, program pengajian yang ditawarkan juga perlu mengalami perubahan. Jika dulu fokusnya kepada program pengajian profesional, kini sebagai sebuah universiti, jangkauannya perlu lebih luas lagi.

"Ini merupakan satu anjakan besar. Sebagai sebuah universiti, kita perlu meneroka segala jenis kursus yang boleh memberi manfaat kepada kaum Bumiputera.

"Kursus seperti percetakan, seni lukis dan seni reka, perhotelan serta insurans sudah kita teroka dahulu. Malah ketika ini, ramai orang mempersoalkan, apakah kursus sedemikian layak bagi sebuah pusat pengajian tinggi.

"Tetapi pada abad ke-21, kita perlu meneroka kursus yang bercorak industri dan praktikal seiring dengan konsep k-ekonomi, e-kerajaan, yang berkaitan dengan teknologi maklumat, teknologi baru, mikroelektronik, bioteknologi. Dulu kita tidak fokus kepada bidang seperti ini. Ini antara jurusan yang perlu difokus di samping jurusan biasa seperti pergigian," katanya.

Tetapi rupa-rupanya apabila diumumkan menjadi universiti, ada yang mempersoalkan keupayaan pengurusannya mengurus sebuah universiti yang besar seperti UiTM. Betulkah? Memang benar. Siapa yang mempersoalkannya tidak pula diberitahu, tetapi begitulah menurut Ahmad Zaidee.

"Sebagai universiti terbesar di Malaysia, kita dipersoalkan kebolehan untuk mengawal institusi yang besar ini," katanya.

Jadi, macam mana, Datuk? Bolehkah Datuk nak kawal dan buktikan dakwaan itu tidak benar?

"Sebenarnya ini boleh kita lakukan berdasarkan dua perkara penting. Pertama, jika wawasan UiTM difahami dan dikongsi oleh semua warga UiTM, dari segi nilai, budaya kerja, memahami wawasan, tanggungjawab dan

falsafah. Walaupun besar, boleh disatukan.

"Jika kita lihat, Empayar British dahulu pun besar, mengelilingi dunia. Pada masa itu tidak ada Internet. Tetapi bagaimana mereka boleh mengawalinya dari London? Kerana mereka ada wawasan, budaya, tradisi pentadbiran yang sama. Lebih awal daripada itu ialah Empayar Rom. Luas juga. Tetapi mereka ada wawasan dan ditatang dengan undang-undang serta budaya yang sama.

"Kedua, perkara yang ada pada kita sekarang yang dahulunya kita tidak ada ialah teknologi maklumat dan Internet. Dengan local area network (LAN), dan wide area network (WAN), ini merupakan alat yang berkesan untuk menentukan kita boleh mengawal. Oleh itu, tidak menjadi masalah bagi UiTM mempunyai cawangan yang banyak, kerana dasar kita, budaya, peperiksaan, peraturan, latihan adalah sama. Wawasan dan falsafah kita adalah sama," katanya.

Malah, menurut Ahmad Zaidee, UiTM adalah antara IPT pertama yang mempunyai pusat latihan sendiri di Kampung Gajah, Perak. Pusat itu ditubuhkan untuk menentukan latihan diberi kepada semua pensyarah, pentadbir dan pekerja UiTM, memastikan mereka memahami nilai dan sistem, dan proses serta menjalani latihan seperti menggunakan teknologi.

Malah, Lembaga Pengarah UiTM sudah meluluskan untuk berunding dengan Syarikat Sapura akan memberikan bimbingan menggunakan rangkaian LAN dan WAN serta sistem komputer untuk melaksanakan konsep e-pengurusan. Dengan e-pengurusan, UiTM sudah tentu boleh mengumpulkan maklumat yang dikehendaki dari semua cawangannya yang ada di seluruh negara menerusi Internet.

Jika demikian, usaha untuk meningkatkan taraf kemudahan UiTM sejajar dengan kedudukannya sebagai sebuah universiti memerlukan tambahan peruntukan yang besar. Sudah tentu pula mengambil masa yang lama, lebih-lebih lagi untuk melakukan perubahan dan pengubahsuaian terhadap bangunan seperti asrama, bilik kuliah dan bilik pensyarah. Bukan sedikit tu, Datuk!

"Alhamdulillah, kerajaan menyedari kita memang sudah setaraf dengan universiti. Standard kita sejak 10 tahun lalu memang sudah sama dengan universiti. Cuma bangunan yang dibina sebelum itu yang perlu diperbaiki dan ditingkatkan. Kita yakin akan dapat melakukannya dalam tempoh 10 tahun. Malah kerajaan sudah memberi peruntukan kepada kita untuk tujuan itu sejak 1996 lagi," kata Ahmad Zaidee.

Bukan itu sahaja. Malah, penerokaan bidang pengajian baru juga sudah dimulakan oleh UiTM kerana pindaan terhadap Akta ITM pada 1996 sudah membolehkannya menawarkan program pengajian serta menganugerahkan ijazah peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Mulai tahun ini pula, UiTM sudah memulakan pengajian menggunakan sistem modular yang diperkenalkan untuk pengajian pada peringkat ijazah. Dengan pelaksanaan sistem itu, pelajar boleh memilih modul tertentu yang ingin diikuti sesuai dengan tujuan pengajian serta minat dan kecenderungan mereka. Dengan demikian, pelajar dalam sesuatu bidang pengajian boleh mengambil modul di luar bidang pengajiannya. Misalnya, modul keusahawanan, bukan sahaja boleh diikuti oleh pelajar pengajian perniagaan, tetapi juga boleh diambil oleh pelajar dalam bidang lain seperti muzik dan fotografi.

Tidak cukup setakat itu sahaja, mulai sesi 2000/2001 ini pula, UiTM akan memperkenalkan pula double major (dua pengkhususan), khususnya yang baru memasuki pengajian pada sesi ini.

"Tujuannya supaya graduan lebih fleksibel, dan mempunyai kebolehan dalam pelbagai arena. Dengan itu, jika tidak mendapat pekerjaan dalam bidang kelulusannya, mereka boleh memasuki bidang lain. Ini membolehkan graduan menempuhi era baru ini. Kepakaran dalam satu bidang sahaja sudah tidak mencukupi lagi sekarang, sebaliknya graduan perlu ada lebih daripada satu kepakaran," katanya.

Yang menariknya, pelajar UiTM kini boleh mengambil jurusan dalam dua bidang yang berlainan yang dahulunya dianggap tidak sama dan tiada kaitan seperti kejuruteraan awam dengan seni lukis dan seni reka, atau seni bina dan muzik.

"Dengan mengambil kursus dalam bidang seni lukis dan seni reka, pelajar kejuruteraan boleh faham aspek estetika. Dengan itu, mereka meningkatkan tingkatan taraf profesion sebagai jurutera. Begitu juga pengkhususan seni bina dengan muzik. Sebenarnya ada unsur harmoni dan kepakaran khas dari segi ruang. Rupa-rupanya muzik boleh melatih dan membantu membentuk hal ini yang diperlukan dalam bidang seni bina," katanya.

Selain itu, menurut Ahmad Zaidi, double major boleh membantu individu terus belajar, lebih-lebih lagi dalam era kini yang sangat mementingkan pembelajaran sepanjang hayat. Dengan itu, double major yang diperkenalkan oleh UiTM boleh membantu pelajarnya membuat persediaan mental untuk menempuhi era baru.

Walaupun sudah bertaraf universiti, UiTM akan tetap meneruskan penekanan terhadap program pengajian pada tahap diploma seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama dulu. Malah ketika ini pun, menurut Dr Ahmad Zaidee, 70.1 peratus daripada jumlah enrolmen pelajarnya adalah pada peringkat diploma.

"Kita tidak bimbang dan kita akan terus pertahankan keadaan ini. Kita percaya pada konsep pembelajaran sepanjang hayat. Kita tidak malu mempunyai ramai pelajar diploma. Seseengah orang salah faham dengan keadaan ini.

"Sebenarnya untuk pengetahuan anda, sesetengah program pengajian peringkat diploma yang ditawarkan di UiTM diterima oleh badan profesional sebagai setara dengan ijazah pertama. Misalnya, Diploma Seni Bina kerana kita menawarkannya untuk tempoh empat tahun. Dengan itu, graduan UiTM sudah diberi pengecualian menduduki peperiksaan Bahagian Satu oleh Lembaga Arkitek Malaysia," katanya.

(END)